

22 MAY 2003

Najib-Pakej

PELUANG ANGGOTA TENTERA MILIK RUMAH SENDIRI

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pelaksanaan Projek Harapan (Harapan Rakyat Memiliki Perumahan) merupakan peluang keemasan kepada anggota tentera memiliki rumah dengan kadar yang murah.

Beliau berkata menerusi projek itu, anggota tentera yang berpendapatan rendah dan sederhana berpeluang memilik rumah secara sewa-beli dengan kadar yang mampu dibiayai mereka.

Katanya, sebelum ini kementerian cuma menyediakan kuarters untuk mereka yang sedang berkhidmat.

"Kita memang menggalakkan mereka yang masih berkhidmat sekurang-kurangnya mempunyai sebuah rumah yang dimiliki mereka sebelum bersara," kata Najib ketika diminta mengulas Pakej Strategi Baru berjumlah RM7.3 bilion yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Pelaksanaan Projek Harapan itu antara lain bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri.

Projek itu yang digariskan dalam Pakej Strategi Baru juga dijangka menjana sektor pembinaan, salah satu sektor yang penting untuk pertumbuhan ekonomi negara.

Menerusi projek itu, rakyat dapat membeli dan mendapat pembiayaan bagi pembelian rumah pada kadar faedah pinjaman tiga peratus untuk tahun pertama bagi rumah kurang daripada RM100,000.

Mengenai pengumuman pakej ekonomi secara keseluruhan, Najib berkata pakej rangsangan itu amat positif dan sudah tentu memberi suntikan bermakna kepada usaha menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh.

"Langkah ini amat perlu dilakukan dan amat penting bagi kita semua memahami bahawa pakej ini akan hanya berjaya sekiranya semua pihak termasuk bank, agensi kerajaan mahupun pengguna memainkan peranan masing-masing secara positif," katanya.

Katanya, bank dan agensi kerajaan yang ditugaskan perlu memastikan peruntukan dan dana kerajaan yang diluluskan diagihkan secepat mungkin mengikut syarat dan kriteria yang ditentukan.

Bagi pihak pengguna, Najib meminta mereka untuk berbelanja dengan cara berhemat kerana melalui corak perbelanjaan itu, ia akan memberi rangsangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

-- BERNAMA

CS MFJ ZB